



Jom Lokal Travel Kemalangan Diri

NOTIS PENTING

1. Ini adalah **Polisi Kemalangan Diri Jom Lokal Travel** Anda. Polisi ini dikeluarkan oleh Kami dengan mempertimbangkan premium yang telah dibayar atau yang akan dibayar kepada Kami seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans dan mengandungi terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami. Sila baca Polisi ini dengan teliti untuk memastikan bahawa Anda memahami terma dan syarat dan insurans yang Anda perlukan telah disediakan. Sekiranya Anda mempunyai pertanyaan setelah membaca Polisi ini, sila hubungi Kami atau penasihat insurans Anda. Sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan Anda yang boleh mempengaruhi insurans yang diberikan, sila maklumkan Kami dengan segera. Sekiranya tidak, Anda mungkin tidak akan menerima sebarang atau beberapa Manfaat yang dinyatakan dalam Polisi ini.
2. Sila simpan Polisi ini di tempat yang selamat. Sekiranya terdapat sebarang pindaan terhadap terma dan syarat, Kami akan menghantar Jadual baharu atau Pengendorsan sahaja kepada Anda. Hubungi kami jika Anda mahukan salinan Polisi ini; Kami gembira untuk memberikannya kepada Anda.
3. Dalam memutuskan untuk mengeluarkan Polisi ini, Kami telah bergantung pada jawapan dan maklumat yang diberikan semasa permohonan dibuat untuk Polisi ini. Kami juga bergantung pada pendedahan lain, jika ada, yang diberikan kepada Kami ketika permohonan dibuat sehingga Polisi ini dikeluarkan. Jawapan, maklumat dan segala pendedahan tersebut, jika ada, akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan Kami.
4. Anda mempunyai kewajipan untuk berhati-hati agar tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan atau memberikan maklumat yang diminta ketika Anda memohon untuk Polisi ini. Anda patut menjawab soalan dan memberikan maklumat dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dalam menjawab pertanyaan atau memberikan maklumat yang diminta boleh mengakibatkan pengelakan daripada Polisi ini, penolakan atau pengurangan tuntutan yang dibuat oleh Anda di bawah Polisi ini, perubahan terma atau pembatalan Polisi ini berdasarkan undang-undang yang relevan. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui yang relevan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan.
5. Sekiranya pada bila-bila masa undang-undang menghendaki Kami untuk memungut sebarang cukai daripada Anda berkaitan dengan insurans yang diberikan atau premium yang telah Anda bayar, sila ambil maklum bahawa Kami berhak untuk mendapatkan kembali cukai tersebut daripada Anda sekiranya cukai tersebut belum dibayar.
6. Sekiranya, atas apa-apa sebab, Anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang Anda terima daripada Kami, Anda boleh:
 - 6.1 menulis kepada Jabatan Khidmat Pelanggan Kami; atau
 - 6.2 e-mel Kami di customer.service@axa.com.my.
7. Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan cara Kami menguruskan sebarang isu, Anda boleh:
 - 7.1 merujuk hal berkaitan tuntutan kepada:

Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Tel: (603) 22722811/ Faks: 60322721577
 - atau
 - 7.2 menghantar aduan atau maklum balas Anda:
 - (a) Ke Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia;
 - (b) dengan menghubungi BNMTELELINK di 1-300-88-5465;

- (c) dengan menghantar faks ke (603) 21741515;
 - (d) dengan menghantar e-mel ke; bnmtelelink@bnm.gov.my; atau
 - (e) dengan menghantar SMS ke 15888.
8. Berkenaan dengan sebarang komunikasi antara Anda dan Kami termasuk, tanpa had, pemberitahuan atau permintaan apa-apa perkara di bawah Polisi ini:
- 8.1 Anda perlu -
- (a) tulis kepada Jabatan Khidmat Pelanggan Kami; atau
 - (b) e-mel Kami di customer.service@axa.com.my; dan
- 8.2 Kami mungkin –
- (a) menulis kepada Anda di alamat yang diberikan kepada Kami dalam cadangan Anda untuk Polisi ini atau di alamat terakhir Anda yang dimaklumkan kepada Kami secara bertulis; atau
 - (b) menghantar e-mel kepada Anda di alamat e-mel yang diberikan kepada Kami dalam cadangan Anda untuk Polisi ini atau di alamat e-mel terakhir Anda yang dimaklumkan kepada Kami secara bertulis; atau
 - (c) berhubung dengan Anda melalui telefon bimbit atau sebarang bentuk pesanan elektronik yang Kami anggap sesuai di nombor telefon atau alamat elektronik yang telah Anda berikan kepada Kami;

Sekiranya dihantar melalui pos, pemberitahuan atau permintaan, jika dialamatkan dengan betul, akan dianggap telah diterima pada hari ketujuh setelah pengeposan. Sekiranya dihantar melalui e-mel, telefon bimbit atau sebarang bentuk pesanan elektronik, pemberitahuan atau permintaan akan dianggap telah diterima pada hari ia dihantar.

BAHAGIAN A - KELAYAKAN DAN SKOP

1. Kelayakan

- 1.1 Untuk menjadi Pemegang Polisi atau Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, orang itu mestilah:
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Pemastautin Tetap Malaysia; atau
 - (c) pemegang permit kerja, pas pekerjaan, pas tanggungan, pas lawatan sosial jangka panjang, atau pas pelajar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia yang sah sepanjang Tempoh Insurans dan yang menetap secara sah di Malaysia.
- 1.2 Sebagai tambahan kepada syarat dalam Perenggan 1.1 di atas, orang itu juga harus memenuhi syarat usia berikut:
- (a) untuk menjadi Pemegang Polisi, Anda mesti berusia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun;
 - (b) untuk menjadi Orang yang Diinsuranskan, orang itu mestilah berusia sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan paling tua lapan puluh (80) tahun pada permulaan Tempoh Insurans.

2. Perlindungan dan Penamatan

- 2.1 Insurans yang diberikan di bawah Polisi ini untuk Orang yang Diinsuranskan bermula pada Tarikh Kuat Kuasa Polisi dan perjalanan melebihi (50) kilometer dari tempat kediaman atau perniagaan Orang yang Diinsuranskan di Malaysia. Ini tidak termasuk perjalanan harian atau rutin ke dan dari tempat perniagaan, pekerjaan atau tugas yang berkaitan dengan perdagangan, pekerjaan atau profesion Anda.

Untuk mengelakkan keraguan, perlindungan untuk Orang yang Diinsuranskan yang tersenarai dalam 1.1 (a), (b) & (c) akan bermula pada selepas perjalanan melebihi lima puluh (50) kilometer dari tempat kediaman

atau perniagaan Orang yang Diinsuranskan (mana yang kemudian dan/atau jauh) di Malaysia untuk perjalanan terus ke destinasi yang dirancang di Malaysia.

- 2.3 Insurans yang disediakan di bawah Polisi ini untuk Orang yang Diinsuranskan akan berakhir secara automatik pada tarikh-tarikh berikut yang terawal:
- (a) kematian Orang yang Diinsuranskan;
 - (b) tamat Tempoh Insurans untuk Orang yang Diinsuranskan tersebut; atau
 - (c) keputungan Orang yang Diinsuranskan ke tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia.
- 2.4 Perlindungan yang disediakan oleh Kami kepada Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini untuk Perjalanan adalah tertakluk kepada berkuatkuasanya Polisi ini pada Permulaan Perjalanan. Beberapa Manfaat disediakan dengan syarat Polisi ini berkuatkuasa sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Permulaan Perjalanan.
- 2.5 Manfaat Pembatalan Perjalanan bagi setiap Perjalanan berkuat kuasa setelah Polisi Anda dikeluarkan dan berakhir pada Permulaan Perjalanan itu.
- 2.6 Perlindungan untuk semua Manfaat lain dalam Polisi ini bermula pada Permulaan Perjalanan dan, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Polisi ini, berakhir apabila Anda atau Orang yang Diinsuranskan tiba di Malaysia.
- 2.7 Anda mesti memaklumkan AXA mengenai sebarang perubahan/penambahan/penggantian Orang yang Diinsuranskan dalam polisi sehari sebelum Permulaan Perjalanan.

3. Kawasan dan Tempoh Perlindungan

Liputan Geografi di bawah Polisi ini terhad kepada Malaysia sahaja.

4. Tujuan Perjalanan

Manfaat yang disediakan oleh Polisi ini **HANYA** sah untuk perjalanan bagi tujuan pelancongan atau perniagaan. Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan bagiperjalanan untuk tujuan selain daripada percutian atau perniagaan dan tidak termasuk perjalanan harian ke dan dari tempat perniagaan, pekerjaan atau tugas yang berkaitan dengan perdagangan, pekerjaan atau profesion Orang yang Diinsuranskan.

Perjalanan untuk tujuan perniagaan merangkumi perjalanan untuk menghadiri mesyuarat perniagaan, seminar, ceramah, kursus atau acara yang berkaitan dengan perniagaan Orang yang Diinsuranskan dan tidak termasuk sebarang peminjaman (*secondment*), penempatan jangka pendek atau jangka panjang, projek dan aktiviti lain yang serupa.

5. Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

Sekiranya semasa Perjalanan, Orang yang Diinsuranskan tidak dapat menyelesaikan perjalanan kembali dalam Tempoh Insurans seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi disebabkan:

- 5.1 Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital atau memerlukan rawatan perubatan disebabkan Kecederaan anggota oleh kemalangan semasa Perjalanan, Tempoh Insurans akan secara automatik dipanjangkan sehingga 48 jam berturut-turut dari tamatnya Tempoh Insurans anda tanpa pembayaran premium tambahan dari Anda, untuk jangka masa yang sewajarnya diperlukan untuk menyelesaikan Perjalanan, tetapi hanya jika mana-mana faedah di bawah Polisi ini layak dibayar, dan Anda telah mendokumentasikan bukti sebab-sebab kelewatan itu, kecuali jika Anda mempunyai kelulusan dari Kami secara bertulis; atau
- 5.2 Kelewatan Perjalanan tidak dapat dielakkan disebabkan Bencana Alam dan jalan untuk kembali ke tempat kediaman atau perniagaan Orang yang Diinsuranskan di Malaysia (mana yang lebih kemudian) tidak dapat dilalui dan tidak ada jalan alternatif, Tempoh Insurans secara automatik akan dipanjangkan sehingga 48 jam berturut-turut dari tamatnya Tempoh Insurans anda tanpa pembayaran premium tambahan untuk jangka masa yang sewajarnya diperlukan untuk menyelesaikan Perjalanan.

Sambungan automatik untuk tempoh perlindungan ini adalah bersyarat dan Orang yang Diinsuranskan harus berusaha sedaya upaya untuk pulang ke rumah pada peluang pertama yang tersedia.

6. Had Liabiliti Agregat bagi satu (1) kemalangan tidak boleh melebihi RM 350,000.00 kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Jadual Polisi semasa Tempoh Insurans.

Sekiranya jumlah keseluruhan manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi ini melebihi Had Liabiliti Agregat, manfaat yang layak dibayar kepada setiap Orang yang Diinsuranskan akan dikurangkan secara berkadar sehingga jumlah semua manfaat tidak melebihi Had Liabiliti Agregat.

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas jumlah yang melebihi had Liabiliti Agregat yang dinyatakan di atas.

Polisi ini adalah kontrak antara Pemegang Polisi dan Kami.

BAHAGIAN B - DEFINISI

Kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus, perkataan dan istilah berikut mempunyai maksud berikut dalam Polisi ini:

NO.	PERKATAAN / ISTILAH	MAKSUD
1.	Kemalangan / Akibat Kemalangan	Kejadian yang tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, tidak diduga dan tidak disengajakan yang disebabkan oleh faktor luaran, ganas dan nyata yang berlaku pada masa dan tempat yang dapat dikenal pasti dan, secara bebas dari sebab lain, adalah satu-satunya penyebab Kecederaan.
2.	Kematian Akibat Kemalangan	Kematian akibat Kemalangan
3.	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan
4.	Tindakan Keganasan	Tindakan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi, kerajaan, atas tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang sepertinya termasuk niat untuk mempengaruhi kerajaan dan/atau untuk menimbulkan rasa takut di kalangan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.
5.	Had Liabiliti Agregat	Had maksimum yang layak dibayar bagi semua kerugian berkenaan dengan satu (1) kemalangan atau siri-siri Kemalangan yang timbul dari satu (1) kejadian semasa Tempoh Insurans.
6.	Manfaat	Manfaat yang disediakan di bawah Polisi ini seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian C.
7.	Sebab Di Luar Kawalan Anda	Termasuk: (a) kematian Orang yang Diinsuranskan; (b) kematian Ahli Keluarga Terdekat atau Teman Seperjalanan Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh 30 hari sebelum Perjalanan; (c) Orang yang Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Terdekat Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Serius atau Penyakit Serius; (Sekiranya berkenaan, tuntutan mesti disokong oleh sijil kematian atau nasihat bertulis daripada Doktor untuk membatalkan, menengguhkan atau memendekkan Perjalanan); (d) kejadian mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang tidak dijangka di destinasi yang dirancang dalam masa tujuh (7) hari sebelum Permulaan Perjalanan; (e) dipanggil untuk hadir di mahkamah namun tidak diketahui oleh Orang yang Diinsuranskan sebelum Tarikh Dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum Permulaan Perjalanan; (f) kerosakan serius terhadap kediaman Orang yang Diinsuranskan di

		<p>Malaysia akibat kebakaran, banjir atau Bencana Alam yang serupa yang berlaku dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum Permulaan Perjalanan dan kehadiran Orang yang Diinsuranskan diperlukan di premis tersebut pada hari Perjalanan dimulakan; dan</p> <p>(g) Cuaca buruk dan/atau Bencana Alam yang berlaku di destinasi yang dirancang dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum Permulaan Perjalanan yang mengakibatkan amaran perjalanan dikeluarkan oleh kerajaan di destinasi tersebut.</p>
8.	Klinik	<p>Mana-mana premis, yang dikendalikan oleh swasta atau kerajaan, digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan untuk amalan perubatan untuk pesakit luaran termasuk:</p> <p>(a) pemeriksaan, diagnosis atau rawatan mana-mana orang yang mengalami, atau dipercayai mengalami, sebarang penyakit, kecederaan atau hilang upaya fikiran atau tubuh;</p> <p>(b) perkhidmatan penjagaan kesihatan pencegahan atau promotif; dan</p> <p>(c) penyembuhan atau pengurangan sebarang masalah tubuh manusia yang tidak normal dengan penggunaan sebarang alat, peralatan, instrumen atau peranti.</p>
9.	Permulaan Perjalanan	Masa Orang yang Diinsuranskan meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan Orang yang Diinsuranskan di Malaysia (mana yang kemudian) di Malaysia untuk perjalanan terus ke destinasi yang dirancang di Malaysia
10.	Perlindungan	Takat perlindungan insurans yang disediakan oleh Polisi ini.
11.	Kenderaan Ditetapkan	merujuk kepada kenderaan bermotor yang mempunyai cukai jalan yang sah, layak digunakan di jalan raya dan diberi izin oleh pemilik untuk digunakan dalam Perjalanan.
12.	e-Dompot atau Dompot Digital	Merupakan aplikasi pembayaran telefon bimbit, sama ada nyata atau tidak nyata, yang menyimpan dana secara elektronik sebagai pertukaran dana yang dibayar kepada pengeluar dan dapat digunakan sebagai kaedah pembayaran kepada orang lain selain pengeluar tertakluk kepada kelulusan oleh pemegang e-Dompot/Dompot Digital.
13.	Tarikh Kuat Kuasa	hari pertama Tempoh Insurans.
14.	Pemandu Yang Layak	Orang yang Diinsuranskan yang memiliki lesen memandu yang diiktiraf di Malaysia.
15.	Pengendorsan	Suatu pengendorsan, jika ada, yang dilampirkan pada Polisi ini menukar, mengubah atau menambah apa-apa terma atau syarat yang terkandung dalam Polisi ini.
16.	Tiket Hiburan	Tiket masuk ke acara atau tempat hiburan termasuk tetapi tidak terhad kepada taman hiburan, muzium, sarkas, opera, teater muzikal, konsert untuk tarikh dan waktu acara yang dirancang.
17.	Sukan atau Aktiviti Ekstrem	Sebarang sukan atau aktiviti yang melibatkan tahap bahaya atau risiko Kecederaan yang tinggi; Sukan atau Kegiatan Ekstrem termasuk, tetapi tidak terhad kepada, melayari ombak besar, berkanu menuruni deras, lompat tebing, lompat kuda, Ultramaraton, menunggang aksi dan aktiviti lain di mana aktiviti fizikal yang tinggi dan/atau peralatan yang sangat khusus diperlukan; Sukan atau Kegiatan Ekstrem tidak termasuk aktiviti pelancongan yang dapat diakses oleh orang awam dan dijalankan di bawah pengawasan kakitangan berlesen yang berkecualan daripada pengendali pelancongan berdaftar.
18.	Hospital	Mana-mana premis dan/atau institusi yang beroperasi secara sah dua puluh empat (24) jam sehari, digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan untuk penerimaan, penginapan, rawatan, pengawasan perubatan, diagnosis, pembedahan, perkhidmatan kejururawatan dan rawatan orang yang

		memerlukan perhatian perubatan atau mengalami penyakit yang memerlukan kemasukan ke hospital, tetapi tidak termasuk premis dan/atau institusi yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan semata-mata untuk kemudahan penjagaan kesihatan pesakit luaran, pusat jagaan kejururawatan, pemulihan, penjagaan geriatrik, penjagaan mental, pemulihan atau penjagaan lanjutan, dan/atau penjagaan atau rawatan alkohol atau penagih dadah.
19.	Kemasukan Hospital / Dimasukkan ke Hospital	Kemasukan atau dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan untuk hilang upaya yang dilindungi atas cadangan oleh Pakar Perubatan dan bukan untuk sebarang bentuk penjagaan, pemulihan, rehabilitasi, rehat atau rawatan lanjutan. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam sekiranya pesakit tidak tinggal secara fizikal di Hospital sepanjang tempoh kemasukan hospital.
20.	Pesakit Hospital	Seseorang yang dimasukkan ke hospital dan perlu dan terus dirawat di Hospital lebih daripada enam (6) jam.
21.	Hotel	Hotel yang dilesenkan secara sah untuk menjadi hotel oleh pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia termasuk, tetapi tidak terhad kepada, hostel, resort, Airbnb, motel, chalet dan lain-lain bentuk penginapan berlesen.
22.	Penyakit	Keadaan fizikal yang terhasil akibat penyimpangan patologi daripada keadaan sihat dan normal yang timbul semasa Orang yang Diinsuranskan di dalam Perjalanan semasa Tempoh Insurans dan tidak termasuk semua jenis kanser.
23.	Ahli Keluarga Terdekat	Bagi Orang yang Diinsuranskan, bermaksud suami/isteri, anak-anak dan ibu bapa Orang yang Diinsuranskan.
24.	Cuaca Buruk	Kewujudan keadaan iklim yang tidak normal (sama ada hujan ais, salji lebat, sejuk yang melampau, angin kencang, ribut debu yang dahsyat, suhu tinggi yang melampau atau seumpamanya atau gabungannya) yang mana ia tidak wajar dan tidak selamat untuk Orang yang Diinsuranskan untuk meneruskan sebahagian perjalanan/lawatannya.
25.	Penyakit Berjangkit	Sebarang penyakit yang boleh berjangkit daripada orang, haiwan atau spesies yang dijangkiti kepada orang, haiwan atau spesies yang lain dengan apa-apa cara pun
26.	Kecederaan	Kecederaan anggota disebabkan oleh semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, tidak bergantung kepada sebarang sebab lain, dan tidak termasuk penyakit atau masalah perubatan.
27.	Orang yang Diinsuranskan	Mana-mana orang yang dinamakan sebagai Orang yang Diinsuranskan dalam Sijil Insurans, termasuk Pemegang Polisi jika dinamakan demikian.
28.	Tarikh Dikeluarkan	Tarikh Polisi ini dikeluarkan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi/Sijil/Nota Perlindungan
29.	Anggota Tangan/Kaki	Tangan pada atau di atas pergelangan tangan, atau kaki pada atau di atas pergelangan kaki, dan jika Kehilangan Anggota Tangan/Kaki termasuk Kehilangan Kekal dan menyeluruh fungsi tangan, lengan atau kaki.
30.	Kehilangan Kerugian atau Kehilangan	Berkaitan dengan Skala Pampasan di bawah Manfaat 2, "Kerugian" bermaksud: (a) pemisahan fizikal bahagian badan itu dan termasuk kehilangan keseluruhan dan Kekal fungsi bahagian badan itu; atau (b) kehilangan kemampuan khusus sepenuhnya yang tidak dapat dipulihkan atau diperbaiki melalui pembedahan atau rawatan lain akibat Kecederaan.

		Berkaitan dengan manfaat lain kecuali Manfaat 2, "Kerugian/Kehilangan" bermaksud penghapusan atau penurunan nilai harta benda atau barang milik Anda yang dialami oleh Anda dan tidak dapat dipulihkan, tidak dijangka dan tidak berulang, yang termasuk dalam Perlindungan yang disediakan di bawah Polisi ini.
31.	Kehilangan Penglihatan	Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan yang menyebabkan Orang yang Diinsuranskan buta dan tiada harapan untuk pulih melalui pembedahan atau rawatan lain.
32.	Diperlukan Dari Segi Perubatan	Suatu Rawatan atau perkhidmatan perubatan dianggap Diperlukan Dari Segi Perubatan jika ia: <ul style="list-style-type: none"> (a) konsisten dengan diagnosis dan Rawatan perubatan yang lazim untuk Kecederaan; (b) berpandukan piawaian amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard rawatan perubatan profesional semasa, dan manfaat perubatan yang terbukti; (c) bukan untuk kemudahan Orang yang Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan secara munasabah tidak dibenarkan keluar dari Hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam); dan (d) bukan bersifat eksperimental, siasatan atau penyelidikan, bersifat pencegahan atau penyaringan.
33.	Telefon Bimbit	adalah telefon mudah alih tanpa wayar yang boleh membuat dan menerima panggilan melalui pautan frekuensi radio semasa pengguna bergerak dalam kawasan perkhidmatan telefon.
34.	Bencana Alam	Suatu kejadian, termasuk tetapi tidak terhad kepada ribut pasir, gempa bumi, tsunami, puting beliung, banjir, letusan gunung berapi, api liar atau peristiwa lain yang serupa dengannya yang: <ul style="list-style-type: none"> (a) Berlaku oleh sebab semula jadi; dan (b) yang membawa malapetaka.
35.	Pandemik	Segala Penyakit Berjangkit yang diisytiharkan sebagai pandemik oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (World Health Organization ["WHO"]) atau Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") dan berlaku pada saat pengisytiharan tersebut dibuat.
36.	Tempoh Insurans	Tempoh yang dinyatakan dalam Sijil Insurans atau Pengendorsan.
37.	Kekal	Berlanjutan sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan berturut-turut dari tarikh Kemalangan.
38.	Hilang Upaya Kekal	Kecederaan Kekal yang disahkan oleh Pakar Perubatan akan mencegah Orang yang Diinsuranskan sepenuhnya daripada terlibat dalam apa jua jenis pekerjaan dan yang tidak ada harapan untuk sembuh.
39.	Pakar Perubatan	Pengamal perubatan (selain daripada Orang yang Diinsuranskan dan Ahli Keluarga Terdekat atau saudaranya) yang berkelayakan dan memiliki ijazah perubatan serta dilesenkan dan didaftarkan untuk mengamalkan perubatan barat dan yang memberikan rawatan dalam skop pelesenan dan latihannya dan mengamalkannya di dalam kawasan geografi praktiknya.
40.	Polisi	Dokumen berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Dokumen Polisi ini; (b) Sijil Insurans; dan (c) Pengendorsan, jika ada.

41.	Keadaan Sedia Ada	<p>Sebarang kecacatan fizikal atau mental atau masalah, gangguan, penyakit, jangkitan bakteria atau virus walaupun dijangkiti secara tidak sengaja yang diketahui secara munasabah oleh Orang yang Diinsuranskan; Orang yang Diinsuranskan boleh dianggap mengetahui secara munasabah mengenai Keadaan Sedia Ada di mana keadaannya adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan; (b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan, (c) Simptom yang nyata dan ketara dapat atau telah dilihat dengan jelas; atau (d) Kewujudannya dapat dilihat secara jelas dan munasabah oleh orang di dalam keadaan itu.
42.	Premium	<p>Jumlah pembayaran yang ditentukan yang perlu dibayar kepada Kami untuk menyediakan Perlindungan di bawah Polisi ini untuk Manfaat yang dinyatakan dalam Sijil Insurans.</p>
43.	Pengangkutan Awam	<p>Perkhidmatan pengangkutan seperti bas berlesen, teksi, atau perkhidmatan perjalanan lain yang sah, berlesen dan berjadual yang disediakan untuk kegunaan masyarakat umum sebagai penumpang yang membayar tambang di perhentian/stesen awam yang diakui, dan perkhidmatan yang tidak diperoleh melalui cara peribadi. Ini tidak termasuk semua kaedah pengangkutan yang diatur secara peribadi, disewa atau diatur sebagai sebahagian daripada lawatan, walaupun perkhidmatannya dijadualkan secara berkala.</p>
44.	Caj Lazim dan Munasabah	<p>Sebarang caj untuk penjagaan perubatan dan/atau Rawatan yang Diperlukan Dari Segi Perubatan yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) dianggap lazim dan munasabah sekiranya tidak melebihi tahap caj umum yang dikenakan oleh orang lain yang mempunyai kedudukan serupa di kawasan di mana caj tersebut dikenakan semasa memberikan Rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang serupa atau setanding kepada individu yang sama jantina dan umur untuk Kecederaan yang serupa; (b) sesuai dengan standard dan amalan perubatan yang diterima; dan (c) tidak dapat dielakkan tanpa memburukkan masalah perubatan Orang yang Diinsuranskan. <p>Di Malaysia, Caj Lazim dan Munasabah dianggap sebagai caj yang ditetapkan dalam Jadual Bayaran oleh Persatuan Perubatan Malaysia.</p>
45.	Dasar Bayaran Balik	<p>Pembayaran oleh Kami hanya setelah perbelanjaan tersebut dibayar oleh Anda terlebih dahulu dan dibuktikan kepada Kami.</p>
46.	Rompakan	<p>Perbuatan atau percubaan untuk mengambil sesuatu yang bernilai daripada Orang yang Diinsuranskan secara tidak sah melalui kekerasan, ancaman kekerasan, ugutan atau ketakutan, dan dengan tujuan untuk merampas benda bernilai itu daripada Orang yang Diinsuranskan secara kekal.</p>
47.	Jadual Manfaat	<p>Dokumen yang membentuk sebahagian daripada Polisi mengandungi senarai Manfaat yang disediakan di bawah Polisi ini dan had Jumlah Diinsuranskan yang ditetapkan berdasarkan Pelan yang dipilih.</p>
48.	Kecederaan Serius / Penyakit Serius	<p>Setiap kali berkenaan dengan Orang yang Diinsuranskan, ia Kecederaan atau Penyakit yang memerlukan Rawatan oleh Pakar Perubatan di Hospital dan mengakibatkan Orang yang Diinsuranskan diperakui oleh Pakar Perubatan sebagai tidak berupaya untuk melakukan perjalanan atau meneruskan Perjalanan, dalam tempoh 60 hari sebelum Perjalanan. Apabila berkenaan Ahli Keluarga Terdekat, ia bermaksud Kecederaan atau Penyakit yang diperakui oleh Pakar Perubatan sebagai membahayakan nyawa Ahli Keluarga Terdekat dan memerlukan kemasukan ke hospital yang mengakibatkan penghentian atau pembatalan Perjalanan dalam tempoh 30 hari sebelum Perjalanan.</p>

49.	Kecurian Ragut	Tindakan mengambil Barangan Peribadi daripada Orang yang Diinsuranskan secara haram dengan kekuatan secara tiba-tiba dan melarikan diri dari tempat kejadian dengan tujuan untuk merampas barangan daripada Orang yang Diinsuranskan secara kekal; perbuatan itu mesti berlaku kepada Orang yang Diinsuranskan di destinasi.
50.	Pakar	Seorang pengamal perubatan atau pergigian (selain daripada Orang yang Diinsuranskan dan Ahli Keluarga Terdekat atau saudaranya) yang berdaftar dan dilesenkan di kawasan geografi praktiknya di mana Rawatan diberikan dan diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang sesuai sebagai orang yang mempunyai kepakaran yang unggul dan istimewa dalam bidang perubatan atau pergigian.
51.	Jumlah yang Diinsuranskan	Jumlah yang ditentukan untuk setiap Manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang merupakan jumlah maksimum yang akan Kami bayar untuk setiap tuntutan yang dipersetujui.
52.	Prosedur Bedah/Pembedahan	Sebarang prosedur perubatan berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) insisi, eksisi atau elektrokauterisasi ke dalam atau terhadap mana-mana organ atau anggota badan, kecuali untuk perkhidmatan pergigian; (b) membaiki mengubah atau membina semula mana-mana organ atau anggota badan; (c) pengurangan dengan memanipulasikan keretakan atau kehelan; (d) penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing, atau uretra.
53.	Teman Seperjalanan	Seseorang yang dirancang sebelum perjalanan untuk menjadi satu-satunya orang yang mengikuti perjalanan dan menemani Orang yang Diinsuranskan sepanjang Lawatan Orang yang Diinsuranskan, termasuk berangkat dan kembali bersama Orang yang Diinsuranskan.
54.	Rawatan	Prosedur pembedahan atau perubatan (selain daripada tujuan diagnostik) yang dijalankan oleh Pakar khusus untuk Kecederaan dan tidak termasuk rawatan untuk penyakit.
55.	Perjalanan	Perjalanan untuk tujuan percutian atau perniagaan di Malaysia bermula dari masa Orang yang Diinsuranskan meninggalkan tempat kediaman atau perniagaannya (mana yang kemudian) dan berhenti apabila pertama terjadinya mana-mana satu antara berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) kematian Orang yang Diinsuranskan; (b) tamat Tempoh Insurans untuk Orang yang Diinsuranskan tersebut; atau (c) kepulangan Orang yang Diinsuranskan ke tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia.
56.	Ultramaraton	Sebarang perlumbaan lari/jalan kaki yang lebih jauh daripada jarak maraton biasa iaitu 42.195 kilometer.
57.	Tindakan Menyalahi Undang-undang	Apa-apa tindakan yang merupakan suatu kesalahan atau dilarang oleh undang-undang atau peraturan kawasan geografi di mana tindakan tersebut dilakukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada: memandu kenderaan bermotor tanpa lesen yang sesuai dan sah, melebihi had laju yang ditetapkan, memandu ketika berada di bawah pengaruh alkohol, tidak mematuhi atau melanggar Akta Lalu Lintas Jalan Raya atau undang-undang dan peraturan yang berkenaan, dan penyertaan dalam atau bertindak sebagai rakan subahat kepada sebarang jenayah atau percubaan jenayah atau kesalahan.
58.	Kami/AXA	AXA AFFIN GENERAL INSURANCE BERHAD atau pengganti Kami

59.	Anda/Pemegang Polisi	Orang yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi dalam Sijil Insurans dan/atau orang yang Polisi ini dikeluarkan kepadanya,
-----	-----------------------------	---

BAHAGIAN C - MANFAAT

NOTA 1: Manfaat berikut, jika perlu dibayar, tertakluk kepada:

- (a) had maksimum untuk setiap Manfaat di bawah pelan yang Anda pilih seperti yang dijelaskan dalam Jadual Manfaat kecuali dinyatakan sebaliknya;
- (b) kejadian yang menimbulkan tuntutan Manfaat yang berlaku dalam Tempoh Insurans;
- (c) semua terma, syarat dan pengecualian yang dinyatakan dalam Polisi; dan
- (d) Setiap Orang yang Diinsuranskan yang disenaraikan di dalam Jadual kecuali untuk Manfaat Gangguan Perjalanan yang berdasarkan setiap Kereta.

NOTA 2: Sila rujuk bahagian “TINDAKAN DAN/ATAU DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMPROSES TUNTUTAN ANDA” untuk prasyarat bagi sebarang tuntutan Manfaat.

Manfaat 1 - Kematian Akibat Kemalangan

1. Kami akan membayar jumlah yang ditunjukkan dalam Skala Pampasan untuk Kematian akibat Kemalangan jika, dalam Tempoh Insurans, Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang mengakibatkan kematian Orang yang Diinsuranskan tersebut dalam tempoh 365 hari dari Kecederaan.

Manfaat 2 – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

1. Kami akan membayar jumlah yang ditunjukkan dalam Skala Pampasan untuk sebarang Hilang Upaya Kekal yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan jika, dalam Tempoh Insurans, Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal (sepenuhnya atau sebahagian) terhadap Orang yang Diinsuranskan tersebut dalam tempoh 365 hari dari Kecederaan.

SKALA PAMPASAN

KETERANGAN MANFAAT		PERATUSAN JUMLAH DIINSURANSKAN
A.	Kematian	100%
B.	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	100%
	B1. Kehilangan satu Anggota Tangan/Kaki	100%
	B2. Kehilangan Penglihatan sebelah atau kedua-dua mata	100%
	B3. Kehilangan Lensa sebelah atau kedua-dua mata	50%
	B4. Kehilangan pertuturan kekal dan sepenuhnya	50%
	B5. Kehilangan pendengaran kekal dan sepenuhnya	-satu telinga 15%
		-kedua-dua telinga 75%

Manfaat 3 – Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan

Kami akan membayar Dasar Bayaran Balik untuk Caj Lazim dan Munasabah bagi Rawatan (termasuk kos rawatan pergigian kecemasan) bagi Orang yang Diinsuranskan untuk sebarang Kecederaan yang dialami dalam Tempoh Insurans di Klinik atau sebagai Pesakit Hospital di Hospital di Malaysia, termasuk semua caj bilik dan penginapan harian.

Pengecualian untuk Manfaat 3

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan jika:

- (a) sebarang kos atau perbelanjaan berkenaan perkhidmatan bukan perubatan, seperti penggunaan televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
- (b) Kos tambahan untuk penginapan bilik tunggal atau persendirian di Hospital, klinik atau rumah penjagaan, kecuali apabila Pengamal Perubatan yang merawat Orang yang Diinsuranskan menganggap ia perlu bagi Orang yang Diinsuranskan untuk ditempatkan ke penginapan tersebut.

Manfaat 4 - Keracunan Makanan

Kami akan membayar dengan Dasar Bayaran Balik hingga had yang dinyatakan dalam Jadual, untuk bil perubatan yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan disebabkan oleh keracunan minuman atau makanan.

Manfaat 5 - Yuran Ambulans Tempatan

Kami akan membayar menggunakan Dasar Bayaran Balik kos ambulans darat yang ditanggung untuk pengangkutan Orang yang Diinsuranskan ke Hospital setelah Kemalangan.

Manfaat 6 - Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah

Sekiranya kematian Orang yang Diinsuranskan berlaku secara langsung akibat Kecederaan, Kami akan membayar dengan Dasar Bayaran Balik untuk caj yang munasabah bagi pengebumian atau pembakaran mayat di tempat kematian itu berlaku, termasuk kos munasabah bagi pengangkutan jenazah atau abu ke tempat kediaman Orang yang Diinsuranskan di Malaysia.

Kami tidak akan membayar untuk:

- a) kos penghantaran jenazah atau abu Orang yang Diinsuranskan ke destinasi asing lain atau dari Malaysia ke destinasi asing; dan
- b) perbelanjaan yang berkaitan dengan upacara atau ritual keagamaan.

Manfaat 7 – Kehilangan Telefon Bimbit akibat Kecurian Ragut atau Rompakan

Kami akan membayar dengan Dasar Bayaran Balik sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Kehilangan Telefon Bimbit Orang Yang Diinsuranskan akibat Kecurian Ragut atau Rompakan di destinasi semasa Perjalanan.

Pengecualian untuk Manfaat 7

Kami tidak akan membayar Kehilangan:

- a) jika Kehilangan tidak dilaporkan kepada polis dalam tempoh enam (6) jam dari kejadian; dan
- b) penggantungan talian tidak diminta daripada penyedia rangkaian mudah alih dalam tempoh enam (6) jam dari kejadian

Manfaat 8 – Perlindungan e-Dompset/Dompset Digital

Kami akan membayar dengan Dasar Bayaran Balik sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi kehilangan wang yang disimpan di dalam e-Dompset/Dompset Digital Kehilangan melalui Telefon Bimbit Orang Yang Diinsuranskan akibat Kecurian Ragut atau Rompakan di destinasi semasa Perjalanan. e-Dompset/Dompset Digital mesti didaftar di bawah nama Orang yang Diinsuranskan.

Pengecualian untuk Manfaat 8

Kami tidak akan membayar Kehilangan:

- a) jika Kehilangan tidak dilaporkan kepada polis dalam tempoh enam (6) jam dari kejadian; dan
- b) penggantungan talian tidak diminta daripada penyedia rangkaian mudah alih dalam tempoh enam (6) jam dari kejadian; dan
- c) Jika penggantungan e-Dompset tidak diminta daripada penyedia e-Dompset/Dompset Digital dalam tempoh enam (6) jam dari kejadian.

Manfaat 9 – Kehilangan Kad Kredit

Sekiranya kad kredit Orang yang Diinsuranskan hilang akibat Kecurian Ragut atau Rompakan di destinasi semasa Perjalanan dan Orang yang Diinsuranskan telah mengalami Kehilangan wang daripada penggunaan kad kredit tersebut secara palsu, kami akan membayar atas Dasar Bayaran Balik sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Pengecualian untuk Manfaat 9

Kami tidak akan membayar Kehilangan:

- a) Sekiranya Kehilangan kad kredit Orang yang Diinsuranskan tidak dilaporkan kepada syarikat kad kredit Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh enam (6) jam dari waktu curcurian; atau
- b) Sekiranya Kehilangan boleh diperolehi oleh sumber lain

Manfaat 10 - Pembatalan Perjalanan

Kami akan membayar atas Dasar Bayaran Balik untuk kehilangan deposit yang tidak dikembalikan, tidak digunakan dan/atau tidak boleh dipindah milik atau caj yang Orang yang Diinsuranskan bersetuju untuk membayar atau telah membayar terlebih dahulu untuk Perjalanan Orang yang Diinsuranskan termasuk tetapi tidak terhad kepada pakej Perjalanan, Tiket Hiburan, penginapan dan seumpamanya untuk kejadian yang dilindungi berikut:

- a) pembatalan Orang yang Diinsuranskan timbul daripada salah satu Sebab di Luar Kawalan Pihak Diinsuranskan;
- b) jika Pakej Perjalanan, Tiket Hiburan, penginapan atau seumpamanya tidak dapat digunakan lagi pada waktu atau tarikh lain; dan
- c) Kerugian tersebut berlaku pada bila-bila masa selepas Polisi ini dikeluarkan dan sebelum bermulanya Tempoh Insurans.

Pengecualian untuk Manfaat 10

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan:

- a) jika Tarikh Dikeluarkan kurang dari tujuh (7) hari sebelum permulaan Tempoh Insurans.
- b) untuk sebarang Kerugian berkenaan dengan Orang yang Diinsuranskan jika Orang tersebut termasuk dalam Jadual kurang dari tujuh (7) hari sebelum permulaan Perjalanan.
- c) berkenaan dengan sebarang pembatalan yang dibuat semata-mata kerana keselamatan walaupun destinasi tersebut sebenarnya selamat untuk perjalanan dan tiada amaran perjalanan yang dikeluarkan oleh kerajaan destinasi tersebut dan/atau tiada penutupan lapangan terbang;
- d) berkenaan dengan kerugian atau pampasan bagi setiap batu udara, mata penerbangan, mata kesetiaan atau mata percutian yang diperolehi atau digunakan untuk membayar sebahagian atau seluruh Perjalanan;
- e) Keadaan yang anda ketahui sebelum anda membeli polisi anda atau semasa membuat tempahan perjalanan yang mungkin telah dijangka akan menyebabkan pembatalan perjalanan. Ini termasuk sebarang acara yang diketahui umum sebelum permohonan Polisi ini atau pada masa tempahan untuk Perjalanan dibuat.
- f) Apa-apa kos yang tidak digunakan atau kos tambahan yang ditanggung oleh anda tetapi boleh diperolehi daripada, seperti tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) Penyedia penginapan, ejen tempahan mereka, ejen pelancongan atau skim pampasan lain.
 - (ii) Penyedia pengangkutan, ejen tempahan mereka, ejen pelancongan, skim pampasan
 - (iii) Penyedia kad kredit atau kad debit anda atau Paypal atau penyedia e-Dompet/Dompet Digital
- h) jika anda berhak mendapat pampasan daripada sumber lain dan kami hanya akan bertanggungjawab untuk jumlah lebihan yang tidak boleh diperolehi daripada sumber lain tersebut.
- j) untuk Kerugian yang berlaku sebelum Polisi ini dikeluarkan
- k) Sebarang tuntutan yang timbul daripada sebab yang tidak disenaraikan di dalam bahagian kejadian yang dilindungi.

Manfaat 11 - Gangguan Perjalanan

Manfaat berikut dan had bahagian ini adalah bagi setiap Kenderaan Ditetapkan.

Manfaat 11A Tunda akibat Kerosakan Kenderaan

Sekiranya Kenderaan Ditetapkan Anda tidak dapat dipandu akibat kerosakan, Kami akan membayar atas Dasar Bayaran Balik sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual untuk kos yang perlu dan munasabah untuk mengalihkan Kenderaan Ditetapkan Anda ke bengkel terdekat berhampiran kawasan kerosakan Kenderaan Ditetapkan.

Pengecualian untuk Manfaat 11A:

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan untuk:

- a) caj tunda yang dapat diperolehi daripada polisi motor Anda
- b) Bayaran tol yang ditanggung semasa menunda Kenderaan Ditetapkan Anda ke bengkel.
- c) Tunda sekiranya berlaku kemalangan

Manfaat 11B Perbelanjaan Pembaikan Kecil Di Tepi Jalan

Kami akan membayar atas Dasar Bayaran Balik untuk kos buruh bagi pembaikan di tepi jalan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual untuk setiap Tempoh Insurans.

Pengecualian untuk Manfaat 11B:

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan untuk:

- a) caj yang dapat diperolehi daripada polisi motor Anda
- b) sebarang kos yang ditanggung untuk alat ganti yang diperlukan semasa Pembaikan Kecil Di Tepi Jalan

Manfaat 11C Pengangkutan Alternatif

Sekiranya Kenderaan Ditetapkan Anda tidak dapat dipandu akibat kerosakan dan memerlukan pengangkutan alternatif seperti Pengangkutan Awam untuk sampai ke destinasi anda, kami akan membayar atas Dasar Bayaran Balik untuk kos yang ditanggung sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual.

Manfaat 11D Lebih Sewa Kereta

Kami akan membayar atas Dasar Bayaran Balik lebih atau deduktibel yang perlu dibayar oleh Orang yang Diinsuranskan, jika semasa Perjalanan Orang yang Diinsuranskan, kereta yang disewa oleh Orang yang Diinsuranskan mengalami kerugian atau kerosakan akibat Kemalangan dan Orang yang Diinsuranskan secara sah bertanggungjawab untuk membayar sebarang jumlah di bawah kontrak sewa kereta, dengan syarat bahawa semua manfaat di bawah insurans motor komprehensif dengan syarikat sewa kereta telah habis digunakan.

Manfaat 11D hanya disediakan jika:

- a) kereta tersebut disewa daripada agensi sewa kereta berlesen;
- b) perlindungan insurans motor yang komprehensif bagi sebarang kerugian atau kerosakan terhadap kereta sewa semasa tempoh sewa telah dibeli;
- c) kereta sewa dipandu oleh Pemandu Yang Layak;
- d) semua syarat di bawah perjanjian sewa yang dimeterai antara agensi sewa berlesen dan Orang yang Diinsuranskan telah dipatuhi dengan sewajarnya;
- e) semua syarat di bawah polisi insurans motor untuk kereta sewa telah dipatuhi;
- f) semua undang-undang dan peraturan telah dipatuhi.

Pengecualian untuk Manfaat 11D:

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan untuk:

- a) sekiranya semasa Perjalanan Orang yang Diinsuranskan, Pemandu yang Layak bagi kereta yang disewa ditetapkan tidak layak oleh perintah mana-mana Mahkamah Undang-undang atau dilarang menyewa dan/atau memandu kereta atas sebab sebarang undang-undang, enakmen atau peraturan Kerajaan Malaysia;
- b) sekiranya kerugian atau kerosakan tidak disebabkan oleh Kemalangan yang melibatkan kereta sewa

Manfaat 11E Ganti Rugi Berganda

Kami akan menggandakan Jumlah Diinsuranskan bagi manfaat yang dilindungi dalam Manfaat 11 jika Orang yang Diinsuranskan mempunyai polisi AXA Affin General Insurance Berhad lain yang berkuat kuasa selain daripada polisi Jom Lokal semasa pembelian polisi ini. Bukti seperti nombor polisi/sijil diperlukan semasa penyerahan tuntutan untuk mendapat hak ganti rugi berganda.

BAHAGIAN D - LANJUTAN

Tertakluk pada Syarat Am dan Pengecualian Am Polisi ini, Manfaat dalam Polisi ini, jika berkenaan, dilanjutkan untuk melindungi keadaan berikut:

- 1. Sukan Amatur**
Kematian atau Kecederaan Akibat Kemalangan disebabkan penyertaan dalam sukan amatur selain daripada sebarang pertandingan kelajuan.
- 2. Kehilangan**
Kehilangan akibat daripada Kemalangan di mana Orang yang Diinsuranskan masih tidak dijumpai selepas satu (1) tahun dari hari Kemalangan, dengan bukti mencukupi yang diberikan kepada Kami untuk Kami membuat kesimpulan bahawa Orang yang Diinsuranskan telah meninggal dunia akibat Kemalangan.
- 3. Lemas**
Kematian disebabkan lemas.
- 4. Keracunan Makanan dan Minuman**
Kematian atau Kecederaan disebabkan keracunan makanan atau minuman.
- 5. Rampasan**
Kematian atau Kecederaan akibat rampasan atau cubaan rampasan Pengangkutan Awam di mana Orang yang Diinsuranskan melakukan perjalanan sebagai penumpang.
- 6. Pembunuhan atau Serangan Tanpa Provokasi**
Kematian atau Kecederaan akibat serangan fizikal, pembunuhan atau percubaan pembunuhan tanpa provokasi.
- 7. Gigitan Ular dan/atau Serangga**

Kematian atau Kecederaan disebabkan oleh gigitan ular atau serangga lain (tidak termasuk gigitan nyamuk) seperti lebah, tebuan, labah-labah, lipan atau kala jengking tetapi tidak termasuk penyakit, keracunan atau alergi yang mungkin timbul

8. Penyedutan Gas

Kematian atau Kecederaan akibat lemas disebabkan oleh asap, wasap atau gas beracun.

9. Keganasan

Kematian atau Kecederaan yang disebabkan secara langsung oleh mana-mana Tindakan Keganasan kecuali:

- a) sekiranya kejadian tersebut berada di bawah kawalan penuh mana-mana pihak berkuasa kerajaan;
- b) sekiranya Kecederaan, Kerugian atau Kerosakan dibayar pampasan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan; atau
- c) jika Pengangkutan Umum dihalang berangkat ke destinasi yang dirancang kerana kebimbangan Tindakan Keganasan.

10. Berburu

Kematian atau Kecederaan seperti yang dinyatakan di sini yang berlaku semasa berburu kecuali *steeple chasing*.

11. Bencana Semula Jadi

Kematian atau Kecederaan akibat bencana semula jadi seperti gempa bumi, angin ribut, banjir, kilat, gelombang pasang surut, letusan gunung berapi, siklon & taufan.

12. Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Kematian atau Kecederaan seperti yang dinyatakan di sini secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekecohan awam kecuali jika Orang yang Diinsuranskan itu sendiri secara aktif mengambil bahagian menyebabkan lanjutan ini terbatal.

13. Pembatalan Perjalanan akibat Pandemik

Kami akan membayar atas Dasar Bayaran Balik untuk kehilangan deposit yang tidak dikembalikan, tidak digunakan dan/atau tidak boleh dipindah milik atau caj yang Orang yang Diinsuranskan bersetuju untuk membayar atau telah membayar terlebih dahulu untuk Perjalanan Orang yang Diinsuranskan termasuk tetapi tidak terhad kepada pakej Perjalanan, Tiket Hiburan, penginapan dan seumpamanya untuk kejadian yang dilindungi berikut:

- a) Anda didiagnosis menghidap penyakit Pandemik dan disahkan tidak boleh melakukan perjalanan menurut pendapat Pengamal Perubatan dalam tempoh 30 hari sebelum Perjalanan;
- b) Ahli Keluarga Terdekat Anda didiagnosis menghidap penyakit Pandemik dalam tempoh 30 hari sebelum Perjalanan;
- c) Teman Seperjalanan tunggal Anda didiagnosis menghidap penyakit Pandemik dalam tempoh 30 hari sebelum Perjalanan;
- d) Kematian Anda akibat Pandemik; atau
- e) kematian Ahli Keluarga Terdekat atau Teman Seperjalanan Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh 30 hari sebelum Perjalanan.

Pengecualian untuk Lanjutan 13

Sebagai tambahan kepada Pengecualian Umum dan selain daripada sebab yang dilindungi, Kami tidak akan membayar tuntutan:

- a) jika Tarikh Dikeluarkan kurang dari tujuh (7) hari sebelum permulaan Tempoh Insurans.
- b) untuk sebarang Kerugian berkenaan dengan Orang yang Diinsuranskan jika Orang tersebut termasuk dalam Jadual kurang dari tujuh (7) hari sebelum permulaan Perjalanan.
- c) berkenaan dengan sebarang pembatalan yang dibuat semata-mata kerana keselamatan walaupun destinasi tersebut sebenarnya selamat untuk perjalanan dan tiada amaran perjalanan yang dikeluarkan oleh kerajaan destinasi tersebut dan/atau tiada penutupan lapangan terbang;
- d) berkenaan dengan kerugian atau pampasan bagi setiap batu udara, mata penerbangan, mata kesetiaan atau mata percutian yang diperolehi atau digunakan untuk membayar sebahagian atau seluruh Perjalanan;
- e) Lebihan
- f) Apa-apa kos yang tidak digunakan atau kos tambahan yang ditanggung oleh anda tetapi boleh diperolehi daripada:
 - (i) Penyedia penginapan, ejen tempahan mereka, ejen pelancongan atau skim pampasan lain.
 - (ii) Penyedia pengangkutan, ejen tempahan mereka, ejen pelancongan, skim pampasan
 - (iii) Penyedia kad kredit atau kad debit anda atau Paypal atau penyedia e-Dompet/Dompet Digital
- g) Sebarang tuntutan sekiranya anda tidak boleh melakukan perjalanan atau memilih untuk tidak melakukan perjalanan kerana pihak berkuasa Malaysia menasihatkan agar tidak melakukan perjalanan kerana Pandemik.
- h) Keadaan yang anda ketahui sebelum anda membeli polisi anda atau semasa membuat tempahan perjalanan yang mungkin telah dijangka akan menyebabkan pembatalan perjalanan. Ini termasuk sebarang acara yang diketahui umum sebelum permohonan Polisi ini atau pada masa tempahan untuk Perjalanan dibuat.
- i) Sebarang tuntutan yang timbul daripada sebab yang tidak disenaraikan di dalam bahagian sebab yang dilindungi.

BAHAGIAN E - PENGECUALIAN AM (TERPAKAI UNTUK SELURUH POLISI)

Sekiranya terdapat percanggahan antara pengecualian khusus di bawah seksyen Manfaat dan Pengecualian Am di bawah Bahagian E ini, pengecualian khusus akan berkuat kuasa.

Kami tidak akan membayar sebarang jenis tuntutan, kerugian, liabiliti, kos atau perbelanjaan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berkenaan, atau disebabkan oleh:

1. sebarang Keadaan Sedia Ada;
2. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau sebarang penyakit yang berkaitan dengan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau sebarang penyimpangan atau variasi mutan yang disebabkan dengan apa-apa cara;
3. sebarang bentuk Pandemik melainkan disebutkan di bahagian Manfaat atau bahagian Lanjutan. Pengecualian ini juga digunakan untuk sebarang tuntutan, kerugian, liabiliti, kos, atau perbelanjaan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, menyumbang kepada atau oleh, atau akibat daripada:
 - (a) Sebarang ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau anggapan) berkaitan dengan Pandemik; atau
 - (b) Segala tindakan yang diambil untuk mematuhi undang-undang, peraturan atau arahan kerajaan yang dikeluarkan berkaitan dengan Pandemik dan/atau tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah atau menghalang Pandemik.
4. kehamilan, termasuk kelahiran anak, pembedahan caesar, pengguguran, keguguran dan semua komplikasi yang berkaitan kecuali keguguran akibat kecederaan sebagai akibat langsung daripada Kemalangan;
5. keputusan Orang yang Diinsuranskan untuk melakukan perjalanan atas nasihat atau bertentangan dengan nasihat perubatan, atau di mana Perjalanan Orang yang Diinsuranskan dilakukan terutamanya untuk tujuan mendapatkan rawatan;
6. gangguan mental atau saraf;
7. terlibat dalam sukan atau permainan atas kapasiti profesional atau di mana Orang yang Diinsuranskan akan atau boleh memperoleh pendapatan atau imbuhan daripada terlibat dalam sukan atau permainan tersebut;
8. Kecederaan dan/atau Penyakit semasa melakukan:
 - 8.1 rali atau pertandingan bermotor, atau sebarang bentuk perlumbaan selain daripada berlumba lari atau berjalan kaki;
 - 8.2 pendakian gunung yang memerlukan penggunaan peralatan pendakian, tali atau panduan;
 - 8.3 pendakian batu di luar;
 - 8.4 mendaki atau trekking di kawasan terpencil dan tidak dipetakan tanpa pengawasan personel berlesen/pemandu pengendali pelancongan berdaftar yang berkeelayakan;
 - 8.5 Sukan atau Aktiviti atau Ekspedisi Ekstrem;
 - 8.6 teroka gua (potholing), lawatan perburuan persendirian, rakit redah rejam persendirian gred 4 ke atas; atau
 - 8.7 apa-apa aktiviti yang melibatkan Anda berada di udara (sama ada tergantung atau tidak) kecuali aktiviti terjun payung santai, terjun lalabah (*bungee jumping*) santai, terjun udara santai dan menaiki belon udara panas santai;
9. apa-apa Tindakan Menyalahi Undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan (kecuali kesalahan kecil yang berkaitan dengan lalu lintas) atau pendedahan diri secara sengaja terhadap bahaya (selain dalam usaha menyelamatkan nyawa manusia), Kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri atau cubaan membunuh diri, semasa siuman atau tidak siuman;
10. Anda tidak boleh melakukan perjalanan atau memilih untuk tidak melakukan perjalanan kerana nasihat agar tidak melakukan perjalanan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada Kementerian Dalam Negeri

11. Anda melakukan Perjalanan ke kawasan atau acara tertentu apabila pihak berkuasa Malaysia memberi nasihat agar tidak melakukan sebarang perjalanan
12. kesan atau pengaruh alkohol atau ubat-ubatan, kecuali ubat itu diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
13. penglibatan dalam sebarang tindakan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang, jenayah atau penganas (kecuali kesalahan trafik yang ringan);
14. pekerjaan di mana-mana kapal laut, termasuk dalam perkhidmatan atau operasi tentera laut, tentera darat atau tentera udara, sama ada tugas tetap atau sementara, tugas tentera atau polis;
15. kerja buruh berkaitan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan dan profesion;
16. penggunaan jentera berat, bahan letupan atau bahan berbahaya;
17. aktiviti luar pesisir termasuk tetapi tidak terhad kepada menyelam bukan rekreasi, pelantar minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan;
18. tinjauan pemasangan atau pembinaan kemudahan luar pesisir termasuk tinjauan dari pengangkutan udara;
19. Penugasan di luar negeri sebagai sebahagian daripada pekerjaan Orang yang Diinsuranskan, atau perjalanan harian sehubungan dengan sebarang perdagangan, pekerjaan atau profesion;
20. sebarang kejadian atau keadaan yang diketahui atau seharusnya diketahui oleh Orang yang Diinsuranskan yang mungkin akan mempengaruhi atau mengganggu Perjalanan Orang yang Diinsuranskan, termasuk peristiwa atau keadaan yang diketahui oleh masyarakat umum sebelum permohonan Polisi ini atau pada saat tempahan untuk Perjalanan telah dibuat;
21. perang, pencerobohan, tindakan permusuhan musuh asing (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan tentera atau kuasa atau penyitaan atau nasionalisasi atau permintaan atau pemusnahan atau kerosakan harta benda di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan atau berikutan amaran mengenai sebarang mogok, rusuhan atau kekacauan awam melalui atau oleh media massa umum;
22. radiasi pengion, atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bakar nuklear yang tidak disinari, atau daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear, bahan letupan toksik radioaktif atau bahan berbahaya lain daripada mana-mana pemasangan nuklear yang boleh meletup, atau komponen nuklearnya;
23. penerbangan udara selain sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam Pesawat yang dikendalikan oleh Syarikat Penerbangan;
24. kehilangan atau Kerosakan terhadap peralatan yang diupah atau disewa, termasuk apa-apa jenis pengangkutan;
25. Sebarang Kerugian, Kecederaan atau Kerosakan tidak langsung atau turutan;
26. Pemandu yang layak tidak memiliki lesen memandu yang sah untuk memandu Kenderaan Ditetapkan atau tidak berkelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu yang sah berdasarkan peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau Mahkamah Undang-Undang;
27. Kenderaan Ditetapkan digunakan untuk perniagaan haram;
28. Kegagalan anda untuk mendapatkan vaksin, inokulasi atau ubat yang disyorkan sebelum Perjalanan Anda;
29. sebarang tuntutan yang timbul daripada sebab yang tidak disenaraikan di dalam bahagian Manfaat.

BAHAGIAN F - SYARAT AM (DIGUNA PAKAI UNTUK SELURUH POLISI)

1. Interpretasi

Polisi ini dan Sijil Insuransnya perlu dibaca bersama dan mana-mana perkataan atau istilah, yang telah diberikan maksud khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Sijil Insurans akan memberi maksud tersebut walau di mana pun ia tertera.

2. Syarat Duluhan Liabiliti

Anda mesti mengikuti dan mematuhi terma, peruntukan dan syarat Polisi ini untuk membolehkan Kami menanggung liabiliti di bawah Polisi ini. Ini bererti bahawa jika Anda tidak melakukan apa yang seharusnya Anda lakukan, atau jika Anda melakukan perkara yang tidak sepatutnya anda lakukan, di bawah Polisi ini, Kami sama sekali tidak menanggung liabiliti di bawah Polisi ini.

3. Langkah Berjaga-jaga

Anda mesti bertindak secara berhemah dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk keselamatan dan pengawasan harta benda anda seolah-olah ia tidak diinsuranskan dan untuk mencegah Kehilangan, Kerugian, Kerosakan, Kemalangan, Kecederaan atau Penyakit.

4. Kewajipan Pendedahan

Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon untuk insurans ini) contohnya Anda perlu menjawab semua soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dalam menjawab soalan boleh menyebabkan penafian kontrak Insurans Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda mengikut remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui yang relevan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta sekiranya sebarang maklumat yang Anda berikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

5. Penipuan

Sekiranya Anda, atau sesiapa sahaja yang bertindak untuk Anda, membuat tuntutan di bawah Polisi ini dengan mengetahui tuntutan tersebut palsu atau diperbesarkan secara palsu, Kami tidak akan membayar tuntutan tersebut dan semua Perlindungan di bawah Polisi ini akan dibatalkan.

6. Pembayaran Premium

Perlindungan dan tuntutan hanya sah tertakluk pada pembayaran premium yang berjaya kepada Kami dan kepatuhan Anda terhadap terma dan syarat yang dinyatakan dalam Polisi ini. Kami berhak untuk menolak sebarang perlindungan dan/atau menolak sebarang tuntutan sekiranya ada terdapat premium yang tidak dibayar.

7. Pelanjutan Tempoh Insurans

Tiada pelanjutan Tempoh Insurans dibenarkan setelah keberangkatan Perjalanan Orang yang Diinsuranskan.

8. Pembatalan

Tiada pemulangan premium dilakukan setelah Polisi dikeluarkan.

9. Pampasan daripada Sumber Lain

Sekiranya Anda dibayar balik untuk sebarang perbelanjaan sebenar yang ditanggung daripada sumber lain, seperti polisi insurans lain atau penyedia perkhidmatan untuk Kerugian yang sama seperti yang Anda diinsuranskan dengan Kami, Kami hanya akan membayar lebih daripada pampasan yang Anda terima daripada sumber lain, sehingga takat Jumlah yang Diinsuranskan.

10. Pembayaran Manfaat

Semua Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada Anda. Manfaat yang perlu dibayar sekiranya berlaku kematian terhadap Anda, akan dibayar kepada penama Anda, jika ada, berpandukan undang-undang yang berkaitan, atau kepada wakil peribadi Anda yang dilantik secara sah. Pembayaran tersebut akan menjadi pelepasan penuh dan muktamad Kami. Semua Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi ini tertakluk kepada had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dan hanya dalam Ringgit Malaysia.

11. Duplikasi Perlindungan/Sumbangan

Sekiranya Anda telah membeli polisi daripada syarikat insurans lain yang melindungi risiko yang sama di bawah Polisi ini, dan Anda telah mengemukakan tuntutan di bawah polisi tersebut dan Polisi ini, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk jumlah lebihan yang tidak diperoleh daripada polisi lain. Serupa juga, sekiranya anda berhak mendapat pampasan daripada sumber lain, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk jumlah lebihan yang tidak boleh diperoleh daripada sumber lain.

Sekiranya anda telah membeli beberapa polisi daripada Kami untuk risiko yang sama, dan Anda telah mengemukakan tuntutan di bawah polisi tersebut yang berkaitan dengan risiko sama yang dilindungi di bawah Polisi ini, Kami berhak untuk membayar hanya di bawah salah satu daripada polisi-polisi tersebut termasuk Polisi ini.

Sekiranya Anda mempunyai lebih daripada satu polisi dengan Kami untuk perlindungan insurans yang berlainan, dengan manfaat yang bertindih, Anda hanya boleh membuat tuntutan untuk manfaat tersebut di bawah salah satu polisi.

12. Penyelesaian Pertikaian

Sekiranya terdapat perselisihan berkaitan dengan Polisi ini, Anda dan Kami sama-sama bersetuju untuk berusaha menyelesaikan perselisihan secara damai terlebih dahulu dengan mediasi berpandukan Akta Mediasi 2012; jika pertikaian tidak dapat diselesaikan dengan mediasi tersebut, pertikaian tersebut akan dirujuk ke Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten di Malaysia.

13. Tunai Sebelum Perlindungan

Premium penuh mesti dibayar kepada Kami atau ejen sah Kami sebelum Tarikh Dikeluarkan polisi.

14. Faedah

Kecuali seperti yang disyaratkan oleh undang-undang, tiada jumlah yang harus dibayar di bawah Polisi ini akan disertakan dengan faedah.

15. Klausu Cukai

Anda wajib membayar semua cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia berhubung dengan Polisi ini

16. Klausu Had Sekatan

Tiada penanggung insurans semula akan menyediakan Perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan manfaat di bawah ini hingga takat peruntukan Perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan penanggung insurans semula kepada mana-mana sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan mana-mana negara Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat, atau Malaysia.

17. Makluman Tuntutan

Sekiranya berlaku Kemalangan, Kecederaan, Kerugian atau liabiliti yang boleh menyebabkan tuntutan, Anda mesti memberitahu Kami secara bertulis dan memberi Kami maklumat lengkap mengenai Kemalangan, Kecederaan, Kerugian atau liabiliti tersebut:

- secepat mungkin tetapi tidak boleh lewat dari empat puluh lima (45) hari dari tarikh kejadian; dan
- memastikan bahawa nasihat perubatan dan pembedahan yang sewajarnya diperoleh dan dipatuhi oleh Anda atau ahli keluarga Anda secepat mungkin setelah berlakunya Kemalangan atau Kecederaan; dan
- dengan perbelanjaan Anda, menyediakan kepada Kami semua laporan, sijil, maklumat dan dokumen lain yang mungkin Kami perlukan.

Kami berhak meminta:

- pemeriksaan oleh referi perubatan yang dilantik oleh Kami untuk Kecederaan yang tidak membawa maut;
- meminta peperiksaan bedah siasat dan/atau post-mortem sekiranya berlaku kematian;
- berdasarkan pilihan Kami, memilih untuk membuat pembayaran, memulihkan semula atau membaiki harta mengalami kerugian atau kerosakan harta benda; dan
- untuk menggunakan hak pemulihan yang mungkin Anda miliki.

Liabiliti Kami hanya terhad kepada pembayaran Manfaat yang Anda berhak di bawah Polisi ini. Kami tidak menanggung liabiliti untuk ketersediaan, kualiti atau hasil sebarang rawatan perubatan atau perkhidmatan lain, atau untuk kegagalan mendapatkan sebarang rawatan atau perkhidmatan yang dilindungi oleh terma Polisi ini.

Sekiranya Polisi ini memerlukan laporan polis dibuat di balai polis atau laporan lain dibuat dengan pihak berkuasa yang berkenaan, salinan laporan tersebut mesti diperoleh daripada polis atau pihak berkuasa yang relevan tanpa kos kepada Kami dan diserahkan kepada Kami untuk menyokong Tuntutan anda.

TINDAKAN DAN/ATAU DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMPROSES TUNTUTAN ANDA

Kami memerlukan Anda untuk mengambil tindakan tertentu dan / atau menyerahkan dokumen tertentu kepada Kami sebelum tuntutan Anda dapat diproses. Dokumen dan / atau tindakan ini disenaraikan dalam jadual di bawah dan akan bergantung pada jenis tuntutan yang ingin Anda serahkan kepada Kami. Sila ambil perhatian bahawa dokumen dan / atau tindakan yang diperlukan daripada Anda tidak terhad hanya kepada dokumen yang dinyatakan dalam jadual di bawah. Kami berhak untuk meminta dokumen, maklumat, pengesahan atau perakuan tambahan daripada Anda untuk memproses tuntutan Anda. Sekiranya Anda, disebabkan alasan kukuh yang dapat diterima oleh Kami, tidak dapat memberikan dokumen, maklumat, pengesahan atau perakuan yang diminta, Kami berhak untuk mengetepikan syarat tersebut.

Jenis Tuntutan

Tindakan / Dokumen Yang Diperlukan

Semua tuntutan	<ul style="list-style-type: none"> • Borang Tuntutan • Salinan Sijil Insurans
	Serta yang berikut jika berkenaan:
Manfaat 1 & 2 Kematian Akibat Kemalangan / Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Perubatan daripada Pakar Perubatan yang merawat • Sijil Kematian • Laporan Bedah Siasat • Laporan Polis • Gambar yang menunjukkan bahagian yang mengalami amputasi
Manfaat 3 Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Perubatan daripada Pakar Perubatan yang merawat (untuk jumlah tuntutan RM300 dan ke atas) • Invois & Resit Perubatan Asal untuk jumlah RM300 dan ke atas
Manfaat 4 Keracunan Makanan	<ul style="list-style-type: none"> • Bil & Resit Perubatan Asal • Laporan Perubatan jika ada
Manfaat 5 Yuran Ambulans Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Polis • Bil & Resit Perubatan Asal
Manfaat 6 Penghantaran Pulang Jenazah	<ul style="list-style-type: none"> • Semua dokumen yang diperlukan untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan di bawah Manfaat 1 • Sijil Kematian • Laporan perubatan atau laporan bedah siasat daripada doktor yang merawat (jika berkenaan) • Resit untuk perbelanjaan tambahan yang dituntut bagi kos pengebumian atau pembakaran mayat atau penghantaran jenazah
Manfaat 7 Kehilangan Telefon Bimbit akibat Kecurian Ragut atau Rompakan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Polis • Invois Pembelian Asal barang yang hilang • Perakuan penyedia perkhidmatan tentang permohonan penggantungan akaun
Manfaat 8 Perlindungan e-Dompot/Dompot Digital	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Polis • Perakuan penyedia perkhidmatan tentang permohonan penggantungan akaun • Penyata baki e-Dompot/Dompot Digital
Manfaat 9 Kehilangan Kad Kredit	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Polis • Permohonan penggantungan Kad kepada Bank • Penyata yang dikeluarkan oleh bank yang menunjukkan rekod penggunaan kad kredit Anda secara tidak sah termasuk tarikh dan masa pemberitahuan Kerugian anda • Pengesahan bertulis daripada bank mengenai jumlah yang akan dikembalikan
Manfaat 11 Pembatalan Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan perubatan, Sijil Kematian, bukti hubungan & dokumen lain yang berkaitan seperti yang diperlukan • Bil perubatan • Resit asal pembayaran pelancongan • Tempahan dan pembatalan / invois pembayaran balik, terma dan syarat pengendali pelancongan • Pengesahan bertulis daripada pengendali pelancongan/pengendali hotel yang mengesahkan bahawa kos prabayar tidak akan dikembalikan •
Manfaat 11 Gangguan Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> • Bil & Resit Tunda Asal

<p>Manfaat 11A - Tunda akibat Kerosakan Kenderaan</p> <p>Manfaat 11B - Perbelanjaan Pembaikan Kecil Di Tepi Jalan</p> <p>Manfaat 11C - Pengangkutan Alternatif</p> <p>Manfaat 11D - Lebihan Sewa Kereta</p> <p>Manfaat 11E - Ganti Rugi Berganda</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bil & Resit Pembaikan Asal • Bil & Resit Asal daripada penyedia perkhidmatan contohnya Teksi, Kereta Grab, Bas, Keretapi atau Lain-lain untuk dinyatakan • Invois & Resit Asal Kereta Sewa • Salinan polisi/nombor sijil polisi AXA lain yang berkuat kuasa
<p>Lanjutan: Pembatalan Perjalanan akibat Pandemik</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan perubatan, Sijil Kematian, bukti hubungan & dokumen lain yang berkaitan seperti yang diperlukan • Bil perubatan • Resit asal pembayaran pelancongan • Tempahan dan pembatalan / invois pembayaran balik, terma dan syarat pengendali pelancongan • Pengesahan bertulis daripada pengendali pelancongan/pengendali hotel yang mengesahkan bahawa kos prabayar tidak akan dikembalikan

18. Polisi Insurans Lain [Diguna Pakai untuk Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan, Penghantaran Jenazah dan manfaat Tambahan (jika berkenaan)]

Sekiranya Anda telah membeli polisi insurans daripada syarikat insurans lain yang melindungi risiko yang sama seperti Polisi ini, Kami hanya akan membayar kepada Anda jumlah yang melebihi jumlah yang dilindungi di bawah polisi insurans lain.

19. Bahasa Berkuat Kuasa

Teks Polisi ini adalah dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, dan sekiranya terdapat pentafsiran yang berbeza antara teks tersebut, teks Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

20. Am

Perkataan dalam bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya dan perkataan yang menggambarkan jantina merangkumi semua jantina.

Jadual Manfaat

Jadual Manfaat		Had setiap Orang yang Diinsuranskan / Kejadian / Kenderaan Ditetapkan	Jumlah Diinsuranskan (RM)
			Had Individu
Manfaat 1	Kematian Akibat Kemalangan		
		<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan di dalam Kenderaan Ditetapkan</i>	50,000
	Kematian Akibat Kemalangan	<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 5 tempat duduk</i>	250,000
		<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 7 tempat duduk</i>	350,000

Manfaat 2 Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan			
		<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan di dalam Kenderaan Ditetapkan</i>	50,000
	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 5 tempat duduk</i>	250,000
		<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 7 tempat duduk</i>	350,000
Manfaat 3 Perbelanjaan Perubatan disebabkan Kemalangan			
		<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan di dalam Kenderaan Ditetapkan</i>	5,000
	Perbelanjaan Perubatan disebabkan Kemalangan	<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 5 tempat duduk</i>	25,000
		<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 7 tempat duduk</i>	35,000
Manfaat 4 Keracunan Makanan			
		<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan di dalam Kenderaan Ditetapkan</i>	200
	Keracunan Makanan	<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 5 tempat duduk</i>	1,000
		<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 7 tempat duduk</i>	1,400
Manfaat 5 Yuran Ambulans Tempatan akibat Kemalangan			
		<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan di dalam Kenderaan Ditetapkan</i>	300
	Yuran Ambulans Tempatan akibat Kemalangan	<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 5 tempat duduk</i>	1,500
		<i>Had maksimum Kenderaan Ditetapkan dengan kapasiti 7 tempat duduk</i>	2,100
Manfaat 6 Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah			
	Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah	<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan</i>	5,000
Manfaat 7 Kehilangan Telefon Bimbit akibat Kecurian Ragut/Rompakan			
	Kehilangan Telefon Bimbit akibat Kecurian Ragut/Rompakan	<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan</i>	500
Manfaat 8 Perlindungan e-Dompot/Dompot Digital			
	Perlindungan e-Dompot/Dompot Digital	<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan</i>	200
Manfaat 9 Kehilangan Kad Kredit			
	Kehilangan Kad Kredit	<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan</i>	200
Manfaat 10 Pembatalan Perjalanan			
	Pembatalan Perjalanan	<i>Setiap Orang yang Diinsuranskan</i>	200
Manfaat 11 Gangguan Perjalanan			
A	Tunda akibat Kerosakan Kenderaan	<i>Setiap Kenderaan Ditetapkan</i>	200
B	Perbelanjaan	<i>Setiap Kenderaan Ditetapkan</i>	

	Pembaikan Kecil Di Tepi Jalan		200
C	Pengangkutan Alternatif	<i>Setiap Kenderaan Ditetapkan</i>	200
D	Lebih Sewa Kereta	<i>Setiap Kenderaan Ditetapkan</i>	1,000
E	Ganti Rugi Berganda	<i>Setiap Kenderaan Ditetapkan</i>	Setiap Jumlah yang Diinsuranskan